LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

FAMA

# PELAN ANALISIS KOMPREHENSIF ANTIRASUAH (PAKAR) FAMA 2023 - 2027



**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)**
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

FAMA

# PELAN ANALISIS KOMPREHENSIF ANTIRASUAH (PAKAR) FAMA 2023 - 2027

**Hak Cipta Terpelihara**
Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

*Diterbitkan Oleh:*
Unit Integriti
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
Bangunan FAMA Point
Lot 17304 Jalan Persiaran 1
Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves
Selangor

Tel: 03-6126 2020
E-mel: unitintegriti@fama.gov.my

Disember 2022

# *Amanat* PENGERUSI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera, Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berjaya membangunkan Pelan Analisis Komprehensif Antirasuah (PAKAR) FAMA 2023 – 2027. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam pembangunan pelan ini.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Unit Integriti FAMA yang telah menerbitkan PAKAR FAMA sebagai suatu panduan dan halatuju dalam usaha-usaha memerangi dan membanteras rasuah di FAMA.

Pelaksanaan PAKAR FAMA merupakan satu kewajipan dan tanggungjawab bersama seluruh Warga FAMA dalam memastikan segala aktiviti dan program yang dikendalikan sentiasa berteraskan amalan berintegriti, beretika dan serta tadbir urus yang baik malah bebas daripada unsur rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Sehubungan itu, saya menyeru agar seluruh Warga FAMA dapat memberikan komitmen yang tinggi dalam usaha merealisasikan agenda dan inisiatif-inisiatif di bawah pelan ini.

Untuk itu, Warga FAMA perlulah memahami, menghayati serta melaksanakan pelan ini dengan luhur demi kejayaan bersama dalam memastikan FAMA dikenali sebagai sebuah organisasi yang membudayakan amalan berintegriti dan bebas rasuah.

Sekian.



**(YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH)**
**Pengerusi FAMA**

# *Warkah* KETUA PENGARAH




Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah berjaya membangunkan dan menerbitkan Pelan Analisis Komprehensif Antirasuah (PAKAR) FAMA 2023 – 2027.

PAKAR FAMA 2023 – 2027 ini adalah merupakan dokumen antirasuah di peringkat organisasi yang merupakan kesinambungan daripada Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang dirangka secara khusus bagi mengatasi risiko melibatkan rasuah, tadbir urus dan integriti di FAMA. Bagi memantapkan pelaksanaannya, pelan ini akan ditambahbaik dari masa ke semasa supaya ianya tetap bersesuaian dengan peredaran masa dan peraturan yang berkuatkuasa.

Pelan ini juga menggariskan beberapa strategi dan objektif strategik yang dimanifestasikan dalam bentuk inisiatif bagi mencapai visi pelan ini iaitu ke arah FAMA bebas rasuah. Saya mendukung sepenuhnya halatuju visi ini dan komited dalam usaha membasmi rasuah serta salah guna kuasa di semua peringkat pentadbiran di FAMA.

Inisiatif-inisiatif yang diwujudkan dalam pelan ini adalah sebagai benteng kepada Warga FAMA untuk sentiasa bersedia dalam berdepan dengan cabaran-cabaran yang datang daripada pelbagai sudut. Oleh yang demikian, besar harapan saya agar inisiatif-inisiatif pelan ini dilaksanakan dengan kerjasama sepenuhnya daripada semua warga dalam usaha pencegahan rasuah dan pembudayaan integriti.

Akhir kata, sekalung tahniah diucapkan kepada Warga FAMA yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam pembangunan PAKAR FAMA. Saya mendoakan agar budaya integriti dan tadbir urus FAMA sentiasa terbaik dan ulung demi kejayaan FAMA.

Sekian.

**(DATO' ZAINAL ABIDIN BIN YANG RAZALLI)**
**Ketua Pengarah FAMA**

# *Kata Aluan*

# PENGERUSI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PELAN ANALISIS KOMPREHENSIF ANTIRASUAH (PAKAR) FAMA




Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Pelan Analisis Komprehensif Antirasuah (PAKAR) FAMA 2023 – 2027 adalah merupakan dasar yang mencerminkan kesungguhan kami sebagai Warga FAMA untuk membanteras segala bentuk rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam usaha membudayakan amalan berintegriti dalam penyampaian perkhidmatan FAMA.

PAKAR FAMA 2023 – 2027 telah menetapkan inisiatif-inisiatif berdasarkan lima bidang keutamaan utama iaitu Pentadbiran, Perolehan dan Kewangan, Penguatkuasaan, Pemasaran Pertanian dan Tadbir Urus dengan keseluruhan 97 inisiatif. Inisiatif-inisiatif ini adalah bertujuan untuk menangani risiko yang telah dikenalpasti meliputi kelemahan integriti, tadbir urus dan rasuah yang perlu ditangani dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Bagi merealisasikan inisiatif, pihak FAMA sedia memperkukuhkan pelan tindakan komprehensif dengan mengambil kira sumber dan kekuatan dalaman serta potensi Warga FAMA. Jaringan strategik bersama pemegang taruh, agensi penguatkuasa dan agensi Kerajaan yang berkaitan juga akan dimanfaatkan. Pelan ini juga akan dihebah dan disebarluaskan kepada seluruh warga FAMA bagi memastikan visi, misi dan matlamat pelan ini dapat dizahirkan melalui tindakan.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pengurusan Tertinggi, Ahli Jawatankuasa Pembangunan PAKAR FAMA, Unit Integriti FAMA dan pegawai-pegawai yang terlibat dalam pembangunan pelan ini atas komitmen tinggi dalam merealisasikan usaha murni ini. Semoga semua usaha kita mendapat keberkatan dan rahmat Allah S.W.T.

Sekian.

**(ABDUL RASHID BIN BAHRI)**
**Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)**
**Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan**

# *Kata Aluan*

## KATA ALUAN PENGARAH BAHAGIAN (UNIT INTEGRITI)




Pelan Analisis Komprehensif Antirasuah (PAKAR) FAMA 2023 - 2027 merupakan dasar yang mencerminkan kesungguhan kami sebagai Warga FAMA untuk membanteras segala aspek rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam usaha membudayakan amalan berintegriti di kalangan Warga FAMA.

Pembangunan pelan ini telah bermula pada awal tahun 2022 dengan pelantikan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) sebagai tenaga pengajar. Pembangunan pelan diteruskan melalui pelaksanaan empat siri bengkel mulai 2 Mac 2022 hingga 10 Jun 2022 melibatkan pegawai daripada 17 bahagian di Ibu Pejabat FAMA.

Bagi mencapai visi, misi dan matlamatnya, pelan ini merangkumi 5 bidang keutamaan dengan 5 strategi iaitu:

1. Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan FAMA;
2. Memperkukuhkan kerangka pengurusan perolehan dan kewangan;
3. Menginstitusikan kredibiliti penguatkuasaan undang-undang;
4. Memperkukuhkan kecekapan dan keberkesanan pemasaran pertanian; dan
5. Memperkasakan tadbir urus baik dalam organisasi.

Saya mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengurusan Tertinggi FAMA dan Warga FAMA yang telah banyak membantu dalam merealisasikan pelan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Saya yakin pelan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya berdasarkan komitmen tinggi yang dizahirkan oleh Warga FAMA.

Sekian.

**(SHAIFUL AZHAR BIN ZOLKIPLI)**
**Pengarah Bahagian (Unit Integriti)**
**Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan**

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Analisis Komprehensif Antirasuah (PAKAR) FAMA 2023 – 2027 dibangunkan selaras dengan pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) pada 29 Januari 2019 dan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2, No. 1 Tahun 2019 berkenaan Pemantapan Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.

**Bab 1**

Menerangkan latar belakang FAMA dan beberapa langkah yang telah diambil melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan yang memberi fokus kepada usaha penambahbaikan tadbir urus, integriti dan antirasuah di FAMA. Bab ini juga membincangkan senario rasuah, integriti dan tadbir urus selain turut membincangkan isu dan cabaran menangani rasuah.

**Bab 2**

Memberikan tumpuan kepada analisis senario rasuah yang mungkin berlaku pada masa akan datang selepas pelancaran PAKAR FAMA berdasarkan matrik empat senario kesinambungan, senario kekangan, senario perkembangan dan senario merudum. Bab ini juga akan merungkai perkara-perkara yang menjadi kebimbangan bersama seperti matlamat PAKAR FAMA yang mungkin tidak dapat dicapai dan risiko-risiko yang boleh menyebabkan perkara tersebut terjadi.

**Bab 3**

Menetapkan matlamat yang jelas untuk mencapai visi dan misi iaitu meningkatkan akauntabiliti dan integriti dalam penyampaian perkhidmatan. Selain itu, bab ini juga menghuraikan Kerangka PAKAR FAMA merangkumi 5 Bidang Keutamaan yang telah dikenal pasti iaitu Pentadbiran, Perolehan dan Kewangan, Penguatkuasaan, Pemasaran Pertanian dan Tadbir Urus, 5 Strategi, 7 Objektif Strategi dan 97 Inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh 2023 hingga 2027.

**Bab 4**

Memfokuskan kepada mekanisme pelaksanaan yang merangkumi aspek pemantauan dan pelaporan kepada pelaksanaan inisiatif PAKAR FAMA. Langkah ini bukan sahaja untuk memantau kemajuan pelaksanaan oleh pihak yang berkenaan malahan untuk memastikan langkah-langkah yang dilaksanakan adalah bersesuaian dengan objektif yang ingin dicapai. Sekiranya terdapat jurang dalam pelaksanaan inisiatif, ia boleh diselaras dan ditambah baik sewajarnya.

# ISI KANDUNGAN


| TAJUK | MUKASURAT |
|---|---|
| **BAB 1: PENGENALAN** | **1** |
| Latar Belakang FAMA | 2 |
| Dasar Integriti dan Tadbir Urus Nasional | 4 |
| Episod Pencegahan Rasuah di Malaysia | 4 |
| Pelaksanaan Dasar Integriti dan Tadbir Urus FAMA | 6 |
| Isu dan Cabaran Menangani Rasuah | 7 |
| Senario Rasuah dan Salah Laku Integriti | 8 |
| **BAB 2: SENARIO MASA HADAPAN** | **11** |
| Menghubungkan Hari ini dengan Masa Hadapan | 12 |
| Senario Antirasuah Tahun 2030 | 12 |
| Matrik Senario Antirasuah 2030 | 13 |
| Gambaran Umum Matlamat dan Kebimbangan Bersama | 16 |
| **BAB 3: PEMERKASAAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH** | **17** |
| Kerangka PAKAR FAMA | 18 |
| Bidang Keutamaan, Strategi, Objektif Strategi dan Inisiatif PAKAR FAMA | 19 |
| **BAB 4: TADBIR URUS** | **37** |
| Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian | 38 |
| **BAB 5: KESIMPULAN** | **41** |
| **SEKALUNG BUDI** | **43** |

PELAN ANALISIS KOMPREHENSIF ANTIRASUAH (PAKAR) FAMA 2023 - 2027

# BAB 1

# PENGENALAN



# LATAR BELAKANG FAMA

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (*Federal Agricultural Marketing Authority* atau FAMA) ditubuhkan di bawah Akta 141 merupakan sebuah agensi pemasaran di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. FAMA bertanggungjawab dalam pemasaran produk agromakanan seperti sayur–sayuran, buah–buahan dan bunga-bungaan serta produk–produk industri makanan dan asas tani.

Bagi memacu sektor pemasaran domestik dan antarabangsa, FAMA berperanan dalam memperluaskan saiz pasaran produk agromakanan dan meningkatkan pendapatan pengeluar. FAMA juga berperanan dalam memastikan produk pertanian dan industri makanan tersedia dan boleh diperolehi pada harga yang mampu dibayar oleh pengguna. Bagi melaksanakan peranan ini, FAMA telah menggiatkan usaha–usaha meningkatkan kecekapan di sepanjang rantaian pemasaran melalui strategi-strategi berikut:

- Pembangunan luang pasaran
- Pembangunan infrastruktur pemasaran
- Pembangunan keusahawanan
- Pembangunan pemasaran produk
- Pembangunan regulasi pemasaran



**Visi** Peneraju utama perkhidmatan pemasaran agromakanan negara.

**Misi** Membangun dan memudah cara perkhidmatan pemasaran yang cekap dan berkesan bagi menggalakkan pertumbuhan, daya saing dan inovasi dalam industri agromakanan serta meningkatkan nilai kepada pelanggan.

## Objektif

- Memperluaskan akses pasaran domestik dan antarabangsa.
- Meningkatkan pembekalan produk agromakanan bernilai tinggi dan/ atau permintaan tinggi.
- Membekalkan maklumat pasaran yang komprehensif dan bersepadu mengenai agromakanan.
- Menyedia dan menyelaras kemudahan infrastruktur pemasaran.
- Memacu dan memperkasakan pemasaran digital agromakanan negara di pasaran domestik dan antarabangsa.
- Menggalakkan kecekapan dan daya saing dalam rantaian nilai agromakanan.
- Menarik minat, memupuk, meningkat dan mengekalkan penglibatan belia dalam aktiviti pemasaran agromakanan.
- Menggalakkan amalan pembekalan dan penggunaan agromakanan yang mampan.



## Fungsi -Fungsi Utama

- Menyelaras aktiviti-aktiviti pemasaran pertanian sama ada yang melibatkan pihak swasta atau jabatan/agensi kerajaan;
- Memperbaiki sistem pemasaran dan memperluas serta memajukan pasaran baru bagi hasil-hasil pertanian Malaysia;
- Bekerjasama dengan pihak swasta dan jabatan/agensi kerajaan bagi mewujudkan pemasaran pertanian yang cekap dan berkesan;
- Membangun dan memajukan pengurusan yang cekap dalam industri pertanian berkaitan dengan aktiviti pemasaran atau pemprosesan hasil-hasil pertanian; dan
- Melibatkan secara langsung dalam industri pertanian terutama aktiviti pemasaran atau pemprosesan hasil-hasil pertanian.

## DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS NASIONAL

Dalam Malaysia ingin menuju ke arah negara tanpa rasuah malah untuk menjadi sebuah negara maju dan harmoni, agenda pencegahan rasuah diperkenalkan dan diperketatkan dengan beberapa episod dalam pencegahan rasuah di Malaysia. Pelbagai inisiatif telah dilakukan dan diperkasakan bermula dari tahun 2004 di peringkat nasional.

## EPISOD PENCEGAHAN RASUAH DI MALAYSIA

Dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanterasan rasuah telah menjadi keutamaan negara. Untuk itu, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang dilancarkan pada bulan April 2004 yang menampilkan rancangan terperinci selaras dengan matlamat mewujudkan masyarakat bermoral dan beretika tinggi selari dengan Wawasan 2020. Program Transformasi Kerajaan (GTP) meneruskan kelangsungan prinsip asas PIN melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Banteras Rasuah.

Inisiatif GTP 1.0 bertujuan menangani isu rasuah melalui pelbagai inisiatif memerangi rasuah bermula daripada peringkat paling atas hingga yang paling bawah. Walaupun NKRA Antirasuah menyaksikan kesan yang memberangsangkan, Kerajaan pada ketika itu merasakan masih banyak lagi yang perlu dilakukan untuk menghapuskan masalah rasuah di negara ini. Justeru GTP 2.0 dilancarkan bertujuan untuk mencapai sasaran ini melalui inisiatif dengan program terperinci.

Oleh kerana pembanterasan rasuah merupakan suatu usaha jangka panjang, GTP 2.0 bertindak sebagai mekanisme penambahbaikan melalui pemantauan yang lebih berkesan terhadap beberapa inisiatif yang diperkenalkan di bawah GTP 1.0. Namun begitu, kajian antarabangsa seperti Barometer Rasuah Global dan Indeks Persepsi Rasuah masih menunjukkan bahawa sejumlah besar rakyat tidak percaya bahawa masalah rasuah telah bertambah baik di negara ini.

Justeru, dalam usaha untuk memperkasakan inisiatif antirasuah di Malaysia, Kerajaan baharu telah memutuskan untuk menggabungkan semua usaha mengenai tadbir urus, integriti dan antirasuah di bawah suatu pelan bersepadu. Lantas, suatu keputusan untuk merangka dan membangunkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) bagi menggantikan PIN telah dibuat semasa Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) yang pertama yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri pada 8 Jun 2018. Pelan ini bertujuan untuk menetapkan sasaran yang praktikal berdasarkan inisiatif yang akan diambil dalam menangani masalah rasuah, integriti dan tadbir urus dalam negara bagi tempoh lima tahun akan datang.

**PELAN INTEGRITI NASIONAL (PIN)**
**2004**

**PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP) 1.0**
**2010**

**PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP) 2.0**
**2012**

**PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP)**
**2019 - 2023**

# PELAKSANAAN DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS FAMA

FAMA sentiasa menyokong usaha kerajaan dalam membanteras rasuah. Bagi tujuan ini, FAMA telah mengambil inisiatif selari dengan dasar dan tadbir urus nasional seperti berikut:

- Penubuhan Unit Integriti selaras dengan arahan Kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013
- Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN)
- Jawatankuasa Antirasuah (JAR) peringkat FAMA
- Jawatankuasa Penilaian Teknikal (Pekeliling Kerajaan) FAMA
- Ikrar Bebas Rasuah 2018
- PAKAR FAMA 2023 – 2027

# RASUAH



Rasuah didefinisikan sebagai salah satu perbuatan yang melibatkan pecah amanah di mana seorang individu menerima atau memberi suapan atau kelebihan kepada individu lain sebagai upah atau dorongan untuk melakukan sesuatu yang berkait dengan tugas rasmi. Antara rasuah yang sering terjadi seperti menerima atau memberi sesuatu dalam bentuk wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah atau diskaun.

Di zaman ini, rasuah boleh berlaku tidak kira di sektor swasta atau sektor awam, malah ianya boleh berlaku di institusi agama dan juga badan badan sukarela di Malaysia. Hal ini juga boleh terjadi tanpa mengira status atau kedudukan individu tersebut sama ada memberi atau menerima rasuah.

Jadi, apabila berlakunya permasalahan ini tanpa dapat dibendung, akan mengakibatkan ketidakstabilan negara yang menyebabkan kemunduran dan ekonomi negara akan terus terbantut dan terjejas.

# ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH

## 1. Hukuman Ringan Dikenakan Terhadap Pesalah

Hukuman yang sedia ada untuk pesalah rasuah adalah ringan dan tidak konsisten mengikut kepada pengaruh pihak berkepentingan dan juga mengikut kepada faktor untuk pembuktian kesalahan yang dibuat.

## 2. Kurangnya Pemantauan dan Penguatkuasaan

Pemantauan dan penguatkuasaan adalah salah satu cara untuk membendung aktiviti rasuah yang berleluasa di sebuah agensi. Dalam hal ini, pemantauan dan penguatkuasaan sangat penting untuk memastikan segala proses dan prosedur yang dijalankan dapat dipatuhi. Malah kerana faktor kurangnya pemantauan dan penguatkuasaan, menyebabkan rasuah tidak dapat dibendung dengan jayanya disebabkan oleh kekurangan kemahiran dan penggunaan teknologi yang masih di tahap yang lemah.

## 3. Keterbatasan Penggunaan Teknologi

Pada masa kini, perkembangan teknologi amat perlu diberi pengetahuan secara meluas betapa pentingnya penggunaan teknologi dalam menangani rasuah. Penerapan aplikasi teknologi dan sistem dalam kerja seharian dapat memudahkan aktiviti dan prosedur yang dijalankan malah dapat mengurangkan berlakunya penyelewengan kerana semua prosedur dan proses perlu melalui langkah-langkah yang telah disediakan dalam sistem tersebut.

## 4. Kebimbangan Melaporkan Aduan dan Kesalahan

Kurangnya kesedaran untuk melaporkan aduan dan kesalahan kepada pihak yang sepatutnya. Pelbagai saluran telah disediakan untuk memudahkan laporan dibuat tetapi kebimbangan pemberi maklumat yang merasakan nyawa dan kedudukannya akan terancam menyebabkan aduan tidak dibuat dan kesalahan rasuah hanya dipandang sepi.

## 5. Kurangnya Nilai Integriti dan Disiplin dalam Diri

Tahap disiplin diri dan nilai integriti yang kurang dalam diri menyebabkan aktiviti rasuah sukar dibendung. Penguatkuasaan akta, pekeliling dan arahan pentadbiran dikuatkuasakan oleh pihak FAMA untuk mengelakkan terjadinya gejala rasuah di kalangan Warga FAMA. Namun demikian, hal ini masih terjadi disebabkan oleh kecenderungan individu tersebut yang melanggar peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan.

# SENARIO RASUAH DAN SALAH LAKU INTEGRITI

## 1. Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Malaysia Tahun 2021

Indeks Persepsi Rasuah adalah laporan kajian yang dilaksanakan oleh Transparency International yang merupakan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) bertaraf antarabangsa. Indeks ini atau lebih dikenali dengan singkatannya iaitu CPI (*Corruption Perception Index*) adalah tertumpu kepada persepsi responden berikutan pengalaman mereka dalam berurusan dengan sektor awam sebuah Negara.

CPI ini mengambil kira gabungan beberapa data kajian yang dilaksanakan berdasarkan tiga belas (13) sumber yang berbeza. Selain daripada rasuah, skop yang termasuk dalam pengiraan CPI ini adalah persepsi terhadap penyalahgunaan dana kerajaan, kebolehan negara untuk kuatkuasakan mekanisme integriti, komitmen kerajaan dalam memerangi rasuah, perlindungan terhadap pendedah maklumat dan buat pertama kali, CPI kali ini juga mengambil kira keberkesanan hak asasi manusia yang tersedia dalam sebuah negara.



**INDEKS PERSEPSI RASUAH MALAYSIA**

| TAHUN | SKOR | TANGGA |
|---|---|---|
| 2019 | 53 | 51 |
| 2020 | 51 | 57 |
| 2021 | 48 | 62 |

## 2. Statistik Aduan yang Diterima Unit Integriti

| TAHUN | SEKTOR | | | | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pentadbiran | Kewangan | Perolehan | Penguatkuasaan | Pelesenan | Lain-Lain | |
| 2017 | 11 | 2 | - | - | - | 2 | 15 |
| 2018 | 12 | 5 | 3 | 1 | - | 2 | 23 |
| 2019 | 19 | 5 | - | - | - | 2 | 26 |
| 2020 | 14 | 13 | 4 | - | - | - | 31 |
| 2021 | 6 | 3 | 3 | - | - | - | 12 |

## 3. Statistik Kes Tatatertib Tahun 2017 hingga 2021

| JENIS HUKUMAN | TAHUN 2017 | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 | BIL. HUKUMAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Lucut hak emolumen | 3 | 3 | - | - | - | **6** |
| Tangguh pergerakan gaji | 3 | 3 | 2 | 1 | - | **9** |
| Denda | 2 | - | - | - | 2 | **4** |
| Buang kerja | 1 | 1 | 1 | 4 | 4 | **11** |
| Turun gaji | 1 | 1 | - | 1 | - | **3** |
| Amaran | - | 10 | - | 1 | - | **11** |
| Turun pangkat | - | - | - | 1 | 1 | **2** |
| **JUMLAH KES** | | | | | | **46** |

## 4. Statistik Jenis Kesalahan Tatatertib Tahun 2017 hingga 2021

| KESALAHAN | TAHUN 2017 | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 | BIL. KES |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Tidak hadir bertugas | 7 | - | 5 | 1 | 4 | **17** |
| Lewat hadir bertugas dan pulang awal | 6 | - | 5 | 1 | 3 | **15** |
| Tidak mengetik kad perakam waktu | 6 | - | 5 | 1 | 4 | **16** |
| Memalsukan sijil cuti sakit | 1 | - | - | - | - | **1** |
| Mengemukakan dokumen yang mengandungi butiran palsu | 2 | - | - | - | - | **2** |
| Menyalahgunakan kad inden kenderaan | 1 | - | - | - | - | **1** |
| Cuai dalam menjalankan tugas | 1 | - | - | - | - | **1** |
| Kesalahan jenayah | 1 | - | 1 | 2 | 1 | **5** |
| Tidak menyerahkan wang kutipan hasil milik FAMA | 1 | - | - | - | 1 | **2** |
| Memalsukan dokumen dengan niat untuk menipu | 1 | - | - | - | - | **1** |
| Kecurian | - | - | 1 | | - | **1** |
| Membocorkan maklumat sulit | - | - | - | 1 | - | **1** |
| Tidak mematuhi tatacara pelantikan pegawai | - | - | - | 2 | - | **2** |
| **JUMLAH KES** | | | | | | **65** |

# BIDANG-BIDANG BERISIKO

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan, terdapat lima bidang keutamaan yang terdedah kepada risiko rasuah, integriti dan tadbir urus di FAMA yang telah dikenalpasti:

- Pentadbiran
- Perolehan dan Kewangan
- Penguatkuasaan
- Pemasaran Pertanian
- Tadbir Urus

# BAB 2

# SENARIO MASA HADAPAN



## MENGHUBUNGKAN HARI INI DENGAN MASA HADAPAN

FAMA sedar akan kesannya apabila berlaku intervensi dalam penggubalan dasar kerajaan. Perubahan semasa dalam konteks sosial dan impaknya dalam menilai semula pendekatan dasar perlu diambil kira demi memastikan inisiatif hari ini masih releven serta kompetitif pada masa hadapan.

Dunia masa hadapan pasti akan berbeza dengan keadaan sekarang. Apa yang akan berlaku pada tahun 2030 akan berbeza dengan apa yang berlaku pada tahun 2022 kini. Justeru, dalam membayangkan beberapa senario antirasuah pada tahun 2030, beberapa trend yang memberi kesan langsung dan tidak langsung kepada penggubalan suatu kerangka dasar telah dikenalpasti. Berikut merupakan beberapa senario antirasuah 2030 yang dijangka akan memberi kesan besar kepada tadbir urus dan usaha membanteras rasuah.




**Senario Kesinambungan (*Continuation*)**

Masa hadapan yang mempamerkan kejayaan yang dikecapi melalui kewujudan PAKAR FAMA tetapi tidak berupaya untuk bertahan atau tidak mapan.

**Senario Kekangan (*Limits and Disciplined*)**

Masa hadapan yang merujuk kepada visi yang digariskan dalam PAKAR FAMA tidak dapat dicapai ekoran kekangan dalaman dan persekitaran.

**Senario Perkembangan (*Growth*)**

Masa hadapan di mana hasil kewujudan PAKAR FAMA telah menyebabkan anjakan menuju fasa sebuah agensi yang beretika dengan mendokong integriti yang tinggi dan berteraskan nilai.

**Senario Merudum (*Decline and Collapse*)**

Rasuah menjadi kelaziman dalam kalangan warga FAMA dan pemegang taruh sekali gus memperlihatkan sistem sosial runtuh sama sekali tanpa sebarang jalan penyelesaian.

## MATRIK SENARIO: SENARIO ANTIRASUAH 2030

| | S1 Senario Kesinambungan *(Continuation)* | S2 Senario Kekangan *(Limits and Disciplined)* | S3 Senario Perkembangan *(Growth)* | S4 Senario Merudum *(Decline and Collapse)* |
|---|---|---|---|---|
| **TADBIR URUS** | Campurtangan daripada pihak berkepentingan dalam aspek tadbir urus FAMA berkurangan tetapi masih terdapat isu rasuah yang berlaku. | Kewujudan pertikaian dalaman menyebabkan tindakan pencegahan rasuah hanya bersifat sementara dan membantutkan pelaksanaan agenda PAKAR FAMA. | Semua pihak mengamalkan integriti yang tinggi, menjunjung kod etika dan nilai sehingga dapat mencapai Warga FAMA yang menolak rasuah. | Rasuah berlaku di setiap peringkat dan menjadi budaya di kalangan Warga FAMA sehingga menyebabkan pelaksanaan PAKAR FAMA menemui kegagalan. |
| **PENTADBIRAN** | Melalui penggunaan teknologi maklumat sebagai platform dan mekanisme tadbir urus, FAMA lebih responsif dan mutu perkhidmatan meningkat. Rasuah masih wujud disebabkan konflik kepentingan. Rasuah masih dianggap sebagai isu teknikal berbanding isu insan. | Tadbir urus yang baik berlaku tetapi terlalu bergantung kepada satu pihak sahaja untuk memacu kejayaan. Namun, dalam jangka panjang rasuah masih berlaku disebabkan kurang kerjasama daripada semua pihak. | Sistem tadbir urus melibatkan penyertaan aktif warga FAMA dan pemegang taruh. Penggunaan teknologi untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dan mengamalkan ketelusan dalam membuat keputusan. | Karenah birokrasi serta konflik antara pihak pengurusan menjadi sebati dalam pengurusan FAMA seterusnya mempengaruhi pembuatan sesuatu keputusan. Ini menyebabkan berlakunya ketidakpatuhan terhadap kawalan dalaman serta kegagalan prosedur pentadbiran. |

| | S1 Senario Kesinambungan *(Continuation)* | S2 Senario Kekangan *(Limits and Disciplined)* | S3 Senario Perkembangan *(Growth)* | S4 Senario Merudum *(Decline and Collapse)* |
|---|---|---|---|---|
| **PEROLEHAN DAN KEWANGAN** | Penglibatan manusia dapat dikurangkan melalui kemajuan dan penggunaan teknologi dalam proses perolehan. Walau bagaimanapun, masih terdapat tender yang boleh dirunding walaupun amalan tender terbuka dikuatkuasakan. Mekanisme semak dan imbang telah dikenal pasti tetapi hanya untuk projek terpilih. Peranan orang tengah masih wujud dalam proses dan sistem perolehan. | Pembangunan dan penggunaan teknologi tidak dapat membanteras rasuah secara efektif dalam perolehan awam. Teknologi tidak menjamin ketelusan dalam pemantauan dan pencegahan amalan rasuah. | Sistem tadbir urus yang lebih kukuh, efektif dan seimbang telah mencegah berlakunya ketirisan dan menyumbang kepada pematuhan terhadap sistem dan prosedur yang betul. | Penyalahgunaan kuasa oleh ahli politik dalam Lembaga Pengarah FAMA dan pengurusan atasan yang memegang kuasa perolehan menjadi semakin berleluasa dan tidak terkawal. Prosedur perolehan tidak dipatuhi dan platform teknologi mudah diakses dan dimanipulasi oleh pihak berkepentingan. |
| **PENGUATKUASAAN** | Penyelewengan masih tidak dapat dibendung walaupun laporan rasuah dan salah laku pegawai telah berkurangan. Pelaksanaan PAKAR FAMA diambil mudah dan remeh di peringkat awal dan masih wujud penguatkuasaan terpilih. | Muncul teknologi atau modus operandi yang baru menyebabkan PAKAR FAMA kurang berkesan dan tidak selari dengan perkembangan undang-undang, dasar dan polisi baru. | Perkembangan undang-undang selari dengan dasar dan polisi baru. PAKAR FAMA mendapat sokongan sepenuhnya daripada warga FAMA dan pemegang taruh. | Amalan rasuah yang berleluasa tanpa penguatkuasaan dan tindakan undang-undang mengakibatkan rakyat hilang kepercayaan kepada FAMA. |

| | S1 Senario Kesinambungan *(Continuation)* | S2 Senario Kekangan *(Limits and Disciplined)* | S3 Senario Perkembangan *(Growth)* | S4 Senario Merudum *(Decline and Collapse)* |
|---|---|---|---|---|
| **PEMASARAN PERTANIAN** | FAMA berkembang sebagai peneraju perkhidmatan pemasaran agromakanan namun masih terdapat amalan rasuah dan penyelewengan yang berlaku disebabkan oleh pelanggaran prosedur dan peraturan. | Aspirasi dan perancangan besar, tetapi pencapaiannya tidak seperti yang dijangkakan disebabkan kekangan peruntukan kewangan dan kurang kesungguhan pengurusan atasan serta warga FAMA. | Semua pihak mendukung aspirasi PAKAR FAMA dan berkongsi visi dan misi yang sama. Warga FAMA dan pemegang taruh bersama-sama mengamalkan nilai integriti yang tinggi. | Penyelewengan dan amalan rasuah menjadi kebiasaan dan tidak diambil tindakan undang-undang. Kelemahan kawalan dalaman dan ketidakpatuhan terhadap peraturan dan undang-undang menyebabkan FAMA mengalami kerugian kewangan. |

# GAMBARAN UMUM MATLAMAT DAN KEBIMBANGAN BERSAMA

## Matlamat Bersama

Matlamat bersama mewakili nilai dan prinsip bersama yang memberi cerminan ke atas idea yang diteroka secara bersama dan diutamakan semasa membangunkan senario tersebut. Senario ini merangkumi matlamat dan harapan masa hadapan yang ingin dicapai. Ia memerlukan komitmen jitu dan kolektif daripada pemegang taruh serta kerajaan secara kolektif.

- Kejayaan dalam pembaharuan tadbir urus khususnya berkaitan proses dan struktur
- Usaha pembanterasan rasuah yang mampan dan berterusan
- Pemerkasaan organisasi serta bebas dalam usaha membanteras rasuah
- Kerjasama yang lebih erat di kalangan agensi penguatkuasaan serta penyelarasan yang lebih teratur
- Pemupukan nilai dan integriti melalui pendidikan di pelbagai peringkat
- Peranan teknologi dalam meningkatkan ketelusan dan mengekang rasuah



## Kebimbangan Bersama

Kebimbangan bersama mencakupi ancaman dan risiko yang diterjemahkan melalui empat senario yang dibangunkan. Sekiranya amalan rasuah tidak ditangani, masa hadapan bakal suram.

- Rasuah berakar umbi, menjadi kebiasaan dan sebahagian daripada budaya
- Usaha pembaharuan tidak mampan dan tidak dikawal selia
- Usaha dan agenda antirasuah dipandang remeh oleh pihak berkepentingan
- Tadbir urus baik dipersendakan
- Pemantauan dan penguatkuasaan dilihat tidak berkesan kerana tadbir urus yang lemah
- Pembuatan keputusan yang mengelirukan khususnya berkaitan isu dasar utama
- Ancaman terhadap privasi dan hak asas

PELAN ANALISIS KOMPREHENSIF ANTIRASUAH (PAKAR) FAMA 2023 - 2027

# BAB 3

# PEMERKASAAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH



# KERANGKA PAKAR FAMA

## VISI

Ke Arah FAMA Bebas Rasuah

## MISI

Memperkukuhkan Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah Warga FAMA melalui Pematuhan terhadap Undang-Undang, Peraturan dan Arahan yang Berkuatkuasa

## MATLAMAT

Meningkatkan Akauntabiliti dan Integriti dalam Penyampaian Perkhidmatan



## BIDANG KEUTAMAAN

| Pentadbiran | Perolehan dan Kewangan | Penguatkuasaan | Pemasaran Pertanian | Tadbir Urus |
|---|---|---|---|---|

## STRATEGI

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan FAMA | Memperkukuhkan Kerangka Pengurusan Perolehan dan Kewangan | Menginstitusikan Kredibiliti Penguatkuasaan Undang-Undang | Memperkukuhkan Kecekapan dan Keberkesanan Pemasaran Pertanian | Memperkasakan Tadbir Urus Baik dan Telus dalam Organisasi |

# BIDANG KEUTAMAAN, STRATEGI, OBJEKTIF DAN INISIATIF PELAN TINDAKAN ANTIRASUAH FAMA

**5** Bidang Keutamaan

**5** Strategi

**7** Objektif Strategi

**32** Risiko

**97** Inisiatif

# BIDANG KEUTAMAAN 1: PENTADBIRAN

## STRATEGI PELAN TINDAKAN DAN INISIATIF

| | |
|---|---|
| **BIDANG KEUTAMAAN 1** | **PENTADBIRAN** |
| **STRATEGI 1:** | **MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN FAMA** |
| **OBJEKTIF STRATEGI 1.1:** | **MEREKAYASA PERKHIDMATAN FAMA KE ARAH TADBIR URUS YANG BAIK** |

| BIL. | RISIKO | INISIATIF | PENERAJU/ PELAKSANA | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|---|
| 1.1.1 | Pemalsuan dokumen berkaitan cuti perubatan | 1. Pegawai yang bertanggungjawab dalam pengurusan cuti perlu membuat pemeriksaan silang dengan pihak hospital/klinik untuk mengesahkan ketulenan dokumen tersebut. Jika terdapat pemalsuan, laporan kepada Unit Integriti perlu dikemukakan. | Semua Bahagian | 5 tahun (2023 – 2027) |
| | | 2. Mengambil tindakan punitif / undang-undang terhadap pegawai yang terlibat dengan kes pemalsuan dokumen berkaitan cuti perubatan. | Unit Integriti | 5 tahun (2023 – 2027) |
| 1.1.2 | Pegawai FAMA menerima hadiah / sumbangan daripada pihak yang mempunyai hubungan rasmi | 1. Membangunkan Polisi Hadiah FAMA bagi mengawal pemberian dan penerimaan hadiah / sumbangan daripada pihak luar. | Unit Integriti | 1 tahun (Januari 2023 – Disember 2023) |
| | | 2. Melaksanakan program kesedaran berkaitan kesalahan rasuah mengikut Akta SPRM 2009. | Unit Integriti | 5 tahun (2023 – 2027) |
| | | 3. Membangunkan Polisi Pemberi Maklumat (*Whistleblower Policy*) dan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat. | Unit Integriti | 2 tahun (Januari 2023 – Disember 2024) |

| BIL. | RISIKO | INISIATIF | PENERAJU/ PELAKSANA | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|---|
| 1.1.3 | Melakukan pekerjaan luar tanpa kebenaran | 1. Mewujudkan Garis Panduan Pekerjaan Luar | Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia | 1 tahun (Januari 2023 – Disember 2023) |
| | | 2. Melaksanakan hebahan berkaitan peraturan pekerjaan luar secara berkala | Unit Integriti | 5 tahun (2023 – 2027) |
| 1.1.4 | Pegawai terbeban dengan masalah keterhutangan kewangan yang serius atau gaya hidup mewah yang membuka ruang kepada berlakunya rasuah | 1. Melaksanakan proses tapisan dan semakan kedudukan kewangan pegawai sebelum menempatkan pegawai di jawatan yang sensitif. | Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | 5 tahun (2023 – 2027) |
| | | 2. Memastikan pengisytiharan harta sentiasa dikemas kini oleh pegawai. | Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | 5 tahun (2023 – 2027) |
| | | 3. Melaksanakan kaunseling atau pendidikan mengenai pengurusan kewangan kepada pegawai FAMA yang memerlukan. | Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | 5 tahun (2023 – 2027) |
| | | 4. Mewajibkan surat perakuan majikan dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Ibu Pejabat FAMA untuk sebarang permohonan pembiayaan kewangan. | Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | 5 tahun (2023 – 2027) |
| 1.1.5 | Membocorkan maklumat sulit berkaitan dasar atau keputusan dalaman FAMA kepada pihak ketiga atau berkepentingan | 1. Memberi kefahaman dan pendedahan mengenai kesalahan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Arahan Keselamatan. | Unit Integriti | 5 tahun (2023 – 2027) |
| | | 2. Memastikan pegawai yang mengendalikan dokumen/ maklumat sulit untuk menandatangani akuan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Arahan Keselamatan setiap tahun. | Bahagian Pentadbiran | 5 tahun (2023 – 2027) |

